

Laporan Naib Canselor



Dalam bulan Februari 2008 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melancarkan perancangan strategiknya bagi tiga tahun melalui dokumen Pelan Strategik 2008-2010. Dalam era ini UniMAP mengetengahkan konsep “Mempermantap Kedayasaingan” sebagai tema gerak kerja bagi tiga tahun ke hadapan. Pelan Strategik ini bermatlamat mengangkat jenama UniMAP menjadi universiti terbaik dalam kelompok universiti berfokus dalam tahun 2010. Selain daripada proses retrospeksi dilaksana untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan dalaman, Pelan Strategik ini turut dirangkakan dengan mengambil kira Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan instrumen Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) 2007.

Pelan ini memaparkan tujuh teras strategik di bawah empat tema utama iaitu:

- » Memantapkan Akademik,
- » Menggemilangkan Penyelidikan,
- » Melestarikan Pembangunan, dan
- » Mempermantap Tadbir Urus.

Teras-teras strategik yang dikemukakan kemudiannya dirumus oleh anggota pengurusan tertinggi, dekan, ketua jabatan dan staf sokongan sehingga menjadi suatu formula yang secara hipotetisnya dapat menjadikan UniMAP berdaya saing. Daripada rumusan itu terciptalah 15 objektif strategik yang mengambil kira dimensi-dimensi Skorkad Berimbang (SKB) atau *Balanced Scorecard* (BSC), 53 pengukur prestasi dan ratusan inisiatif baru yang perlu diusahakan oleh semua staf di semua peringkat. Daripada 54 pengukur atau indikator prestasi yang ditetapkan secara musyawarah, Naib Canselor dan Pendaftar dipertanggungjawabkan menjadi pemilik kepada 22 pengukur prestasi, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) 19 pengukur prestasi dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) 12 pengukur prestasi.

Secara keseluruhannya dari sudut strategi, pada tahun 2008 data menunjukkan bahawa tahap kesihatan UniMAP berada pada tahap 93.9%; teras Akademik dan Antarabangsa mencapai 86.6%; teras

Penyelidikan dan Inovasi mencatat 105.5%; sementara teras Pembangunan dan Tadbir Urus berada pada tahap 94.4%. Data ini diperoleh setelah beberapa pengukur prestasi yang dikenalpasti tidak diambil kira kerana perlu ditangani secara lebih strategik.

Kepositifan tahap kesihatan UniMAP dalam tahun 2008 berpunca daripada beberapa banyak perkembangan yang memberangsangkan dalam beberapa aspek. Kepemimpinan universiti satu daripadanya. Meskipun UniMAP keberatan melepaskan Y.Bhg. Prof. Emiratus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), namun pengganti beliau, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Zainul Ariff Hj. Hussain, berupaya menjadi galang ganti baru sebagai Pengerusi LPU mulai 1 Julai 2008. Selain itu, beberapa perubahan turut berlaku dalam struktur kepemimpinan LPU apabila terlantiknya anggota lembaga pengarah baru yang terdiri daripada Y.B. Tuan Abdul Rasid Sudin, Y.Bhg. Dr. Siti Aishah Baharum, Y.Bhg. Dato' Ahmad Shukri Tajuddin dan En. Khalid b. Mohamed selaku ahli ganti.

Untuk mempermantap sumber manusia yang menjadi antara teras utama kecemerlangan UniMAP, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memperuntukkan 249 jawatan pelbagai gred yang merangkumi 136 jawatan akademik dan 113 jawatan bukan akademik. Peruntukan ini menjadikan jumlah keseluruhan jawatan yang diluluskan oleh JPA ialah 962 jawatan. Sebanyak 94.7% daripadanya telah diisi. Daripada segi komposisinya, 0.3% terdiri daripada kumpulan pengurusan tertinggi, 48.3% kumpulan pengurusan dan profesional akademik, 13.2% kumpulan pengurusan dan profesional bukan akademik dan 38.2% kumpulan sokongan.

Selain anak watan, UniMAP juga mempunyai 49 orang kakitangan bukan warganegara dan majoritinya adalah dari negara-negara ASEAN.

Tahun 2008 turut menyaksi 19 orang staf akademik dan 16 orang staf bukan akademik dinaikkan pangkat ke jawatan lebih tinggi mengikut gred jawatan masing-masing. Bagi memantapkan kualiti kakitangan akademiknya, sebanyak 81 orang staf akademik diperakukan melanjutkan pengajian di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA) dan 24 orang di bawah Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA). Bagi meningkatkan kompetensi staf pula, pelbagai kursus dan latihan telah dilaksanakan di peringkat dalaman atau usaha sama dengan agensi luar. Kursus-kursus yang dihadiri oleh staf melibatkan kursus pengurusan pejabat, kewangan, pembangunan sahsiah dan pemantapan kerja berpasukan seperti Kursus Pembinaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja, Kursus Lasak 'Team Building' dan Kursus Pengurusan Risiko Makmal dan Bengkel.

Untuk memartabatkan kecemerlangan UniMAP dalam bidang nano elektronik, maka Institut Kejuruteraan Nano Elektronik ditubuhkan pada 23 Jun 2008 dan mula beroperasi secara rasmi pada 8 September 2008. Institut ini berperanan sebagai pusat penyelidikan kejuruteraan nano khususnya nano elektronik. Selain itu, institut ini turut menjadi pusat rujukan serantau selain daripada menawarkan khidmat bimbingan, kursus, seminar yang berkaitan dengan teknologi nano. Selain daripada institut itu, UniMAP turut menghargai kerjasama erat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Perlis. Bagi menyokong dan membantu pembangunan negeri, Unit Kajian Strategik ditubuhkan pada 1 Julai 2008. Unit ini melalui pasukan penyelidikannya berperanan sebagai kumpulan pemikir dan penggerak

Laporan Naib Canselor

kajian-kajian yang dapat membantu kemajuan ekonomi dan pembangunan negeri Perlis.

UniMAP terus meluaskan penawaran program akademiknya dengan menawarkan tiga lagi program pengajian baru iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Fotonik) di bawah kendalian Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Biosistem) di bawah kendalian Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses dan Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Bangunan) di bawah kendalian Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Dengan 19 program pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan enam program peringkat diploma yang ditawarkan, dalam tahun UniMAP menerima kemasukan sebanyak 1,204 orang mahasiswa ijazah sarjana muda dan 278 orang mahasiswa diploma yang menjadikan bilangan keseluruhan mahasiswanya berjumlah 4,362 orang. Di peringkat pascasiswazah pula, jumlah penuntut sarjana sains ialah 171 orang iaitu peningkatan sebanyak 58 orang daripada tahun sebelumnya, manakala penuntut peringkat Doktor Falsafah meningkat ke 55 orang berbanding dengan 44 orang pada tahun sebelumnya.

Dalam konvokesyen ketiganya, UniMAP berjaya melahirkan graduan sulungnya di peringkat ijazah Doktor Falsafah. Dalam konvokesyen itu, yang diadakan pada 16 Ogos 2008, sebanyak 3 orang graduan menerima ijazah Doktor Falsafah. Selain itu, empat orang graduan menerima Ijazah Sarjana dan 645 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda. Berdasarkan statistik, 66.5% graduan yang dilahirkan mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor awam dan swasta sejak bergraduasi sehingga 31 Disember 2008. Dalam konvokesyen yang

sama UniMAP turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada mantan Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Y.Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim, sebagai mengenang dan menghargai jasa bakti beliau meningkatkan daya saing universiti ini.

Aspek pengantarabangsaan terus diberi perhatian oleh Universiti. Bagi menarik lebih banyak pelajar antarabangsa menuntut di UniMAP, pengurusan universiti membuat keputusan untuk menawarkan Kursus Bahasa Inggeris kepada pelajar antarabangsa sebagai persediaan kepada mereka untuk melanjutkan pengajian ke program sarjana muda yang ditawarkan di UniMAP. UniMAP menerima kumpulan pelajar sulung program ini sebanyak 31 orang dari Wilayah Xinjiang, China untuk mengikuti program itu selama 6 bulan. Program pertukaran pelajar juga terus aktif dilaksana. Pada tahun 2008, sebanyak 10 orang mahasiswa UniMAP terlibat dalam Program Pertukaran Pelajar ke universiti-universiti ASEAN, Jerman, Australia, Norway dan Finland. UniMAP turut menerima 20 orang pelajar dari pelbagai universiti luar negara di bawah program berkenaan.

Bidang penyelidikan terus menjadi penyumbang kecemerlangan universiti. Pada tahun 2008, sebanyak 68 pingat dimenangi di pameran penyelidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kecemerlangan UniMAP amat menyerlah di peringkat antarabangsa. UniMAP telah memenangi tiga emas, dua perak dan satu gangsa di pameran penyelidikan 'Seoul International Invention Fair (SIIF)'; dua emas dan satu perak di pameran Eureka Innova Exhibition, Brussels; dan satu emas dan dua perak di International Exhibition of Ideas-Inventions-New Products (iENA), Nuremberg, Germany. Pencapaian para

penyelidik terus cemerlang apabila berjaya menggondol satu emas, dua perak dan satu gangsa di Pameran Invention and New Product Exposition (INPEX), USA dan satu emas dan dua perak di 36th International Inventions, New Techniques and Products, Geneva, Switzerland.

Penyertaan dalam tiga pameran penyelidikan peringkat kebangsaan iaitu Malaysian Technology Expo (MTE), 19th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition dan Pameran Bio Malaysia menyaksi para penyelidik UniMAP menggondol enam emas, tiga belas perak dan tiga puluh gangsa. Selain itu, tujuh produk penyelidikan UniMAP mendapat kelulusan Paten Drafting 2008, manakala 12 produk penyelidikan melebihi peringkat carian *Novelty* Harta Intelek 2008.

UniMAP terus aktif menggerakkan aktiviti penyelidikannya dengan sokongan perolehan geran penyelidikan berjumlah RM4,014,952.00. Sejumlah 29.14% daripadanya diperoleh daripada geran FRGS-KPT, 41.23% daripada geran Sciencefund-MOSTI, 12.81% daripada geran jangka pendek UniMAP dan selebihnya daripada geran di bawah PEMADAM-KPT, PNB dan lain-lain.

Tenaga akademik UniMAP turut menyumbangkan kepakaran masing-masing kepada beberapa organisasi di dalam dan luar negara. Tiga orang tenaga akademik UniMAP dilantik sebagai profesor kunjungan atau pensyarah pelawat di institusi pengajian tinggi luar negara seperti Prince of Songkla University, IIT, Mumbai India dan Wailalak University. Jalanan hubungan kerjasama dengan universiti luar negara dan pihak industri serta institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia diteruskan untuk tahun 2008. Sebanyak 16 Memorandum Persefahaman

(MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA) ditandatangani dengan industri atau IPT seluruh Malaysia manakala 17 MoU ditandatangani dengan universiti luar negara merangkumi universiti-universiti di negara-negara seperti China, Indonesia, Jordan, Thailand, Ireland dan Switzerland.

Hubungan erat dengan pihak industri membolehkan UniMAP meneruskan program Latihan Industri (InTra). Sebanyak 888 orang mahasiswa ditempatkan di pelbagai industri: 24.5% syarikat swasta multinasional, 58.9% syarikat swasta tempatan, 10.9% sektor kerajaan dan badan berkanun dan 5.7% syarikat berkaitan dengan kerajaan. Hubungan UniMAP dengan industri turut dipermantap melalui bidang konsultansi. Dalam tahun 2008, tabung konsultansi UniMAP berupaya mengumpulkan sebanyak RM732,333.70 sebagai hasil projek konsultansi dengan beberapa organisasi. Penjana kewangan ini menunjukkan peningkatan RM267,069.70 berbanding dengan tahun sebelumnya.

Selaras dengan hasrat menjana modal insan terbilang, mahasiswa UniMAP mula mengorak langkah menciptakan kecemerlangan dalam pelbagai bidang yang disertai. Mahasiswa UniMAP menyumbang kepada kecemerlangan bidang penyelidikan apabila memenangi satu emas, satu perak dan dua gangsa serta merangkul anugerah khas 'Best Invention & Innovation Award' dalam National Research & Innovation Competition (NRIC 2008). Selain itu, empat orang mahasiswa menerima pengiktirafan akademik apabila menerima Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman, Anugerah Tan Sri Khir Johari, Anugerah Pingat Emas IEM dan Biasiswa Tunku Abdul Rahman.

Laporan Naib Canselor

Bidang kebudayaan turut menyumbangkan kejayaan apabila pasukan mahasiswa UniMAP menjadi johan Pertandingan Nasyid Sempena Sambutan Belia Peringkat Negeri Perlis, menjadi naib johan Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan 2008/1429H dan mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Nasyid Piala Naib Canselor, Pertandingan Marhaban anjuran ASTRO dan Pertandingan Teater Tamil Piala G.S. Maniam. Dalam tahun 2008 juga, Kor Sukarelawan Siswa-Siswi (SUKSIS) ditubuhkan dengan keanggotaan sulung sebanyak 63 orang mahasiswa. Penubuhan Kor SUKSIS adalah sejajar dengan iltizam UniMAP untuk melahirkan siswazah yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik, malah turut cemerlang dari sudut sahsiah dan keperibadian.

Kecemerlangan UniMAP dalam bidang sukan sukar ditandingi. Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia Ke-33 yang berlangsung di UNIMAS, Sarawak menyaksikan UniMAP menjadi juara keseluruhan dengan menggondol 22 pingat emas, 9 perak dan 5 gangsa. Kejayaan ini menjadi bukti semangat juang staf yang membara semasa bertanding sehingga kontinjen UniMAP berjaya mengatasi pencapaian Kejohanan ke-32 ketika UniMAP menjadi tuan rumah. Selain terbilang dalam bidang sukan, UniMAP turut berupaya menciptakan rekod keluarga angkat terbesar buat kali kedua

melalui Program Baktisiswa Perdana Siri II Peringkat Negeri Perlis 2008. Program itu melibatkan semua pelajar tahun pertama yang dilaksana secara serentak di 30 buah kampung di sekitar negeri Perlis. Tahun 2008 turut diwarnai dengan keupayaan UniMAP dengan kerjasama PEMADAM Kebangsaan menghimpunkan 700 orang pemimpin pelajar IPT melalui Seminar Gejala Amphetamine Type Stimulan (ATS) dan HIV/AIDS Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPT 2008. Seminar ini diadakan dengan tujuan memberikan kesedaran tentang bahaya dan kesan ATS kepada masyarakat dengan harapan maklumat yang disampaikan akan dipanjangkan kepada mahasiswa lain di institusi pengajian masing-masing.



Pembangunan kampus tetap di Ulu Pauh terus giat dijalankan. Pembinaan dua buah pusat pengajian di bawah Pakej 2 iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik telah mencapai tahap 80% siap dengan perbelanjaan sebanyak RM90 juta. Dalam tahun 2008 juga, projek Pakej 3B dan Pakej 4 selesai diadakan runding harga. Kerja-kerja tanah untuk Pakej 3A melibatkan kos RM15 juta juga telah siap dilaksana pada tahun 2008.

Dengan kerjasama dan komitmen semua staf UniMAP berupaya menciptakan beberapa banyak kejayaan dalam pelbagai aspek yang menjadi urusan terasnya. Namun, saya percaya bahawa ada banyak perkara dan inisiatif lagi yang perlu ditangani dan diusahakan secara berterusan. Saya yakin bahawa semua staf akan bersama-sama dengan anggota pengurusan tertinggi akan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk menjulang nama UniMAP sehingga mencapai tahap yang diidami semua: UniMAP berdaya saing di persada antarabangsa. Setakat ini saya bersyukur kehadiran Allah (s.a.w.) kerana pencapaian yang diperolehi, dan semoga Allah (s.a.w) terus mengurniai warga UniMAP kekutan rohani, akal, emosi dan fizikal untuk terus bersaing demi mengisi tuntutan semua pemegang taruh.



Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis